

B515
MAHATHIR - RISDA

1982

KUALA LUMPUR, 5 FEB. (BERNAMA)--DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA PENGHIDUPAN PARA PEKEBUN KECIL DI NEGARA INI AKAN LEBIH BAHAGIA JIKA MEREKA MENGIKUT AMALAN YANG DINASIHATKAN OLEH PAKAR-PAKAR DAN MEMBUAT KERJA-KERJA LAIN YANG BOLEH MENAMBAHKAN PENDAPATAN.

KATANYA WALAUPUN SERIBU SATU TINDAKAN YANG DIAMBIL OLEH KERAJAAN UNTUK MEMBANTU MEREKA TETAPI SELAGI MEREKA SENDIRI TIDAK SANGGUP MENGAMALKAN AMALAN YANG BAIK, SEMUA TINDAKAN ITU AKAN MENJADI SIA-SIA SAHAJA.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN DEMIKIAN KETIKA BERUCAP MERASMIKAN SEMINAR PELAKSANAAN PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN RISDA DI BANGUNAN RISDA DI SINI HARI INI.

BELIAU BERHARAP SETIAP RAKYAT, LEBIH-LEBIH LAGI PEMAJU-PEMAJU MASYARAKAT DAN PEGAWAI-PEGAWAI RISDA YANG MENJADI AGEN PERUBAHAN DI PERINGKAT AKAR-UMBI AKAN MENYIBARKAN FORMULA ATAU RAMUAN KEJAYAAN TERSEBUT SUPAYA MENJADI TERAS KEJAYAAN NEGARA DAN RAKYAT BERSAMA. --BERSAMBUNG 1220/AH

B516
MAHATHIR - RISDA 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI YAKIN SEKIRANYA KEDUA-DUA PIHAK, RISDA DAN MASYARAKAT PEKEBUN KECIL, BERSATU DAN BEKERJA KUAT DENGAN MATLAMAT YANG JELAS, NEGARA DAN RAKYAT AKAN MELIHAT SATU PERUBAHAN YANG BESAR DI KALANGAN MASYARAKAT LUAR BANDAR.

BELIAU JUGA BERHARAP PUSAT PEMBANGUNAN PEKEBUN KECIL RISDA YANG TERDAPAT DI SELURUH NEGARA AKAN MENJADI SATU DARIPADA PUSAT YANG MEMBAWA PERUBAHAN ROHANI DAN JASMANI DI LUAR BANDAR.

DATUK SERI DR. MAHATHIR INGIN MELIHAT KEMAMPUAN EKONOMI LUAR BANDAR YANG MENINGKAT DENGAN BERBAGAI-BAGAI KEGIATAN PERTANIAN DAN PERUSAHAAN YANG BERASASKAN PERTANIAN YANG DAPAT BERTANDING DALAM PASARAN MODEN DALAM MASA YANG SESINGKAT MUNGKIN.

TEGASNYA PARA PEGAWAI DAN PEMAJU MASYARAKAT RISDA ADALAH BARISAN PEMIMPIN YANG BUKAN SAHAJA MEMIKUL AMANAH UNTUK MEMBAWA PERUBAHAN YANG DIHARAPKAN TETAPI JUGA UNTUK MENERUSKAN USAHA MEWUJUD DAN MEMUPUK KEPIMPINAN YANG DINAMIS BAGI PEMBANGUNAN SEKTOR LUAR BANDAR. --BERSAMBUNG 1229/AH

MAHATHIR - RISDA 3 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA SEMUA RAKYAT MALAYSIA MEMPUNYAI BERBAGAI-BAGAI PELUANG UNTUK MEMPERBAIKI KEDDUKAN EKONOMI DAN MUTU KEHIDUPAN MEREKA.

+ASALKAN MEREKA SANGGUP BEKERJA KERAS, SANGGUP MELALUI KESUSAHAN, SANGGUP MENGGUNAKAN SEGALA PEMBERIAN TUHAN SECARA POSITIF, ADALAH TIDAK SUKAR BAGI SETIAP RAKYAT UNTUK MEMPERBAIKI NASIBNYA, + TEGASNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PEMBANGUNAN DI NEGARA INI MENEKANKAN KEDUA-DUA ASPEK KEMAJUAN IAITU KEMAJUAN ROHANI DAN JUGA JASMANI.

KATANYA, +ADALAH TIDAK TEPAT SEKIRANYA PIHAK-PIHAK TERTENTU MENGATAKAN BAHAWA KITA TERBAWA-BAWA OLEH MODEL PEMBANGUNAN DI BARAT YANG LEBIH MEMENTINGKAN ASPEK MATERIAL ATAU KEBENDAAN.

+TETAPI KERAJAAN TIDAK MENAFIKAN BAHAWA IA AKAN MENGAMBIL ASPEK-ASPEK PEMBANGUNAN, SAMADA DARI BARAT ATAUPUN DARI LAIN-LAIN TEMPAT, SEKIRANYA SESUAI DENGAN KEHENDAK DAN KEPERLUAN NEGARA DAN TIDAK PULA BERTENTANGAN DENGAN NILAI-NILAI KEAGAMAAN.+
--BERSAMBUNG 1249/AH

B520
MAHATHIR - RISDA 4 KUALA LUMPUR

MENURUT BELIAU MALAYSIA MEMERLUKAN MASYARAKAT DAN BANGSA YANG MEMPUNYAI NILAI-NILAI HIDUP YANG POSITIF TERHADAP ASPEK KEROHANIAN DAN KEBENDAAN YANG MEMBAWA NEGARA DAN RAKYAT MELALUI SATU ERA PENCAPAIAN DAN KEJAYAAN YANG TINGGI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA TERDAPAT GOLONGAN ORANG-ORANG YANG TIDAK PERNAH TIDAK MENKIRTIK APA JUA YANG DIBUAT OLEH KERAJAAN DAN MEREKA YANG MEMPUNYAI SIKAP ITU TIDAK PERNAH MEMBAWA FAEDAH KEPADA SESIAPA PUN TERMASUK DIRINYA SENDIRI.

TIAP-TIAP HARI MEREKA TIDAK BERFIKIR LAIN MELAINKAN Mencari apa sahaja yang hendak dijadikan bahan fitnah tanpa menghiraukan bahawa Islam menganggap fitnah sebagai lebih bahaya dari membunuh.

BELIAU MENSIFATKAN GOLONGAN ITU SEBAGAI +SAMPAH MASYARAKAT+ YANG MEMBURUKKAN NASIB MASYARAKAT DAN MENGHALANG KEMAJUAN TETAPI SEBALIKNYA JIKA DIPERHATIKAN, MEREKA TIDAK SEGAN-SEGAN MENGECAP NIKMAT HASIL USAHA DARI AKTIVITI-AKTIVITI YANG MEREKA KUTUK ITU.

KATANYA GOLONGAN ITU MERUPAKAN SEBAHAGIAN DARI SEBAB KERAJAAN TIDAK MENDAPAT HASIL YANG PENUH DARI SEGALA USAHANYA.

BELIAU BERHARAP RAKYAT TERMASUK PEKEBUN-PEKEBUN KECIL BERWASPADA TERHADAP GOLONGAN ITU DAN JENJAUHKAN DIRI DARI MEREKA DAN FITNAH MEREKA. --BERSAMBUNG 1255/AH

B521
MAHATHIR - RISDA 5 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA USAHA GOLONGAN ITU AKAN BERLIPAT-GANDA LAGI KERANA MEREKA MENJANGKA PILIHANRAYA AKAN DIADAKAN TIDAK LAMA LAGI DAN PILIHANRAYA ADALAH +TANAH SUBUR BAGI CENDAWAN SEPERTI ITU MEMBIAKKAN FITNAH MEREKA.+

SEBAGAI CONTOH, KATANYA, APABILA KERAJAAN MELAKSANAKAN SISTEM METRIK MEREKA MENGEKAM KERAJAAN KERANA KONONNYA KERAJAAN BERHAJAT UNTUK MEMUDAHKAN ORANG CINA MENIPU ORANG ISLAM.

MEREKA LUPA BAHAWA SISTEM METRIK ADALAH SISTEM YANG DIGUNAKAN DI KEBANYAKAN NEGARA ISLAM TERMASUK ARAB SAUDI. APAKAH DENGAN PENGGUNAAN SISTEM METRIK KERAJAAN NEGARA-NEGARA ISLAM ITU BERHAJAT UNTUK MENIPU ORANG ISLAM?, TANYA BELIAU.

MEREKA JUGA MEMFITNAH BAHAWA KERAJAANLAH YANG MERANCANG SUPAYA PENDATANG HARAM VIETNAM DATANG KE MALAYSIA DENGAN TUJUAN UNTUK MENGURANGKAN PERATUS ORANG-ORANG MELAYU, BEGITU JUGA PERSAMAAN WAKTU SEMENANJUNG DENGAN SABAH-SARAWAK KONONNYA UNTUK MENGELIRUKAN ORANG-ORANG ISLAM SUPAYA TIDAK DAPAT BERIBADAT.

TURUT HDARI DI MAJLIS ITU IALAH MENTERI KEMAJUAN TANAH DAN WILAYAH DATUK SERI SHARIFF AHMAD, SETIAUSAHA PARLIMEN KEMENTERIAN ITU HAJJAH SHARIFAH DORAH SYED MOHAMMAD, Pengerusi RISDA DATUK HISHAMUDDIN YAHYA DAN KETUA PENGARAH RISDA, DATUK DR. MOHD. NOOR ABDULLAH. --BERNAMA 308/AH